



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556  
Faks : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
Portal : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook :

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.43 ( 27 )  
Tarikh : 8 Mei 2014

## SIARAN MEDIA

### **NBOS: KEJIRANAN INDAH BAIK PULIH TAMAN JENGA IMPIAN DENGAN KOS RM1.32 JUTA**

**MARAN, 10 Mei 2014** - Taman Jengka Impian, Maran yang berjaya dibaik pulih dengan kos RM1.32 juta di bawah program NBOS: Kejiranan Indah yang memberikan keselesaan kepada 1500 penghuninya diserahkan kepada penduduk oleh Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada pagi ini.

Kerja pemulihan Taman Jengka Impian yang dimulakan pada 2013 ini adalah salah satu daripada 21 projek NBOS Kejiranan Indah yang telah dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2013. Taman ini juga adalah merupakan salah satu daripada 3 kawasan perumahan teres kos rendah yang terpilih untuk dibaik pulih pada tahun 2013. Sebelum ini NBOS Kejiranan Indah membaik pulih perumahan awam ditumpukan di perumahan awam jenis bertingkat atau strata.

Kini di bawah NBOS Kejiranan Indah ini, Taman Jengka Impian ini dapat memberikan keselesaan kepada penghuninya dengan kemudahan dewan komuniti, gelanggang futsal, taman permainan kanak-kanak, alat senaman interaktif serta landskap baru yang indah; penurapan semula jalan, pemasangan lampu jalan, laluan pejalan kaki khusus. Pejabat Tanah Daerah Maran dan Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP) turut membina sebuah surau baru dengan kos sebanyak RM120 ribu sementara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga telah menaja Program Bumi Hijau sebanyak RM20 ribu.

Sebelum ini, taman perumahan ini berhadapan dengan masalah tidak mempunyai dewan komuniti dan kawasan lapang, kejadian jenayah kerap berlaku, kegiatan penagihan dadah. Taman Jengka Impian yang terletak di bawah pentadbiran Majlis Daerah Maran, dibina pada tahun 2002 oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk menyediakan 300 unit rumah

untuk pekerja kilang yang telah hilang pekerjaan. Taman ini dikelilingi oleh Gugusan Jengka yang terdiri daripada 25 buah Rancangan Segitiga Jengka atau FELDA Jengka Pahang, terletak lebih kurang 4 kilometer dari Bandar Tun Abdul Razak Jengka dan agak terpencil dari pembangunan perumahan lain.

KPKT juga meningkatkan Program Transformasi Sosial di taman perumahan ini bagi membantu PBT menyelenggara kawasan ini menerusi 4 komponen utama seperti berikut:

- Program Bandar Selamat untuk mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan oleh PDRM, RELA, JPAM dan Rukun Tetangga (RT) telah dilaksanakan sebanyak 96 kali bermula November 2013 hingga April 2014. AMANITA (anggota polis wanita) sedang menarik surirumah menjadi 'mata dan telinga' bagi pihak polis untuk menyalurkan maklumat kes jenayah yang berlaku.
- Program Bomba Komuniti untuk memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada JBPM.
- Program Rakan Taman untuk memupuk semangat kesukarelawanan dan dijadikan amalan bagi memelihara, menyelenggara dan mengawasi taman yang telah dinaik taraf. Sambil beriadah setiap hari kita juga boleh mengawasi keadaan taman dan menjaga kebersihannya sekali. Sekali sekala kita boleh bergotong-royong memperbaiki kerosakan kecil atau melakukan apa yang patut untuk meningkatkan keceriaannya;
- Komuniti Kitar Semula (*reduce, reuse dan recycle*) untuk meningkatkan kadar kitar semula dengan mencapai sasaran 22% menjelang 2020. Amalan kitar semula adalah tanggungjawab bersama di samping boleh menambah sumber pendapatan isi rumah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melaksanakan Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*: Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood /My Bn*) di Taman Jengka Impian ini menerusi kolaborasi bahagian dan jabatan di bawah KPKT serta rentas kerajaan/ agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pelaksanaan NBOS ini adalah bertepatan dengan dengan harapan Y.A.B. Perdana Menteri untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat melalui projek-projek di luar kebiasaan, dilaksanakan secara kerjasama rentas pelbagai

Kementerian, Jabatan atau Agensi Persekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta. Projek-projek NBOS juga dilaksanakan dengan segera, berimpak tinggi dan faedahnya dirasai sendiri oleh rakyat jelata, dengan kos yang minimum.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan (9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)